



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH LGMPC**

SEBUT HARGA: BPH/SH/0401/2024

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang berdaftar dan dilesenkan oleh **Kementerian Dalam Negeri Malaysia**, keahlian **Persatuan Industri Keselamatan Malaysia** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang: 220801)**, yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini akan diterima. Sebut Harga dibuka pada **30 April 2024 (Selasa)** sehingga pukul 12.00 tengahari pada **8 Mei 2024 (Rabu)** bagi kerja seperti berikut:

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA
API DI KOMPLEKS BANGUNAN GETAH ASLI, 148 JALAN AMPANG, K. LUMPUR**

2. Borang / Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM 60.00** dengan menggunakan **tunai atau banker's cheque** (atas nama **LGM Properties Corporation**) di Bahagian Perolehan & Pentadbiran, LGM Properties Corporation, Tingkat 3, Bangunan Getah Asli, 148 Jalan Ampang.
3. Sampul Borang Sebut Harga mestilah dijudulkan seperti yang ditetapkan dan borang sebut harga tawaran tersebut hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran di **LGM Properties Corporation, Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Jawatankuasa Sebutharga)**, sebelum masa tawaran ditutup. Borang Sebut Harga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai sebut harga ini.
4. **WAJIB HADIR** sesi **TAKLIMAT** dan **lawatan tapak** pada **30 April 2024 (Selasa)** bermula jam **10.30 pagi** dan berkumpul di **Lif Lobi Aras Bawah, LGM Properties Corporation, Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang** (kelewatan tidak dilayan selepas waktu yang telah ditetapkan) dan hanya Penyebutharga yang hadir dalam lawatan tapak ini sahaja yang layak untuk membeli dokumen sebutharga ini. **(sila bawa chop syarikat semasa lawatan tersebut).**
5. LGM Properties Corporation tidak semestinya menerima Sebut Harga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang Sebut Harga.

Tarikh: **16 April 2024**

.....t.t.....

Pengurus Perolehan LGMPC

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif LGMPC

LGM Properties Corporation
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli,
148 Jalan Ampang,
50450, Kuala Lumpur

